



**NOROL AZALI SULAIMAN** (barisan kedua tiga dari kanan) bersama Daing Nasir Ibrahim (barisan kedua dua dari kanan) meraikan anak-anak yatim dalam Malam Sentuhan Kasih di UMP Gambang, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

Utusan Malaysia (TM) Mukasurat: 20. 14/4/17 eAmagat

## Kerjasama UMP, PKPP ceriakan anak yatim

**KUANTAN** 13 April - Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) menganjurkan program Sentuhan Kasih dalam usaha memberi galakan serta motivasi kepada seramai 167 anak yatim di sekitar Pekan dan Rompin dekat sini.

Program yang berlangsung Sabtu lalu dibimbing oleh mahasiswa UMP dari Kelab Pembimbing Rakan Siswa dan melibatkan anak-anak yatim turut dibawa bersantai di Safari Park Bukit Gambang Resort City di sini.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kepelbagaian pengisian aktiviti bertujuan memberi galakan dan motivasi kepada para peserta un-

tuk lebih bersemangat dalam meniti cabaran kehidupan sebagai anak yatim.

"Kita juga menyuntik kesedaran dalam diri mereka walaupun tanpa ibu atau bapa di sisi, masih ramai individu yang mengambil berat.

"Secara peribadi saya menasihatkan mereka supaya sentiasa bersyukur dengan rahmat dan nikmat yang dikurniakan Allah SWT termasuk membalaik kebaikan para dermawan dengan belajar bersungguh-sungguh dan menjadi insan cemerlang," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Daing Nasir, PKPP turut menyumbang peralatan persekolahan kepada para peserta daripada Rumah Anak Yatim Nur

Iman, Rompin dan Rumah Penyayang Tun Abdul Razak, Pekan.

"Selaras dengan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020, pihak pengurusan universiti komited untuk memasyarakatkan UMP melalui dua medium iaitu kepakaran teknologi dan gerak kerja kesukarelawan.

"Bagi menjayakan agenda universiti komuniti dalam kerangka pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020, kita menyambut baik sebarang hasrat mana-mana jabatan, agensi atau badan berkanun Persekutuan dan negeri, badan swasta, pertubuhan awam atau individu untuk berkolaborasi dalam pelbagai bentuk demi faedah umum," jelasnya.